

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan nama kedutaan serta konsulat di mana "*defence attache*" Malaysia telah dihantar ke negara tersebut dan sejauh mana hasil pencapaian penghantaran tersebut .

JAWAPAN

Pada masa kini, Malaysia telah menempatkan seramai 26 Penasihat Pertahanan di 25 buah negara, di mana terdapat dua (2) Penasihat Pertahanan di Amerika Syarikat kerana salah seorang darinya merupakan Penasihat Pertahanan di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York. Senarai kedutaan yang mempunyai Penasihat Pertahanan adalah seperti berikut:

1. Abu Dhabi, United Arab Emirates.
2. Ankara, Turki.
3. Bangkok, Thailand.
4. Beijing, China.
5. Brunei Darussalam.
6. Canberra, Australia.
7. Hanoi, Vietnam.
8. Islamabad, Pakistan.
9. Jakarta, Indonesia.
10. London, United Kingdom.
11. Manila, Filipina.
12. Moscow, Rusia.

13. New Delhi, India.
14. New York, Amerika Syarikat (UN HQ).
15. Paris, Perancis.
16. Phnom Penh, Kemboja.
17. Pretoria, Afrika Selatan.
18. Riyadh, Arab Saudi.
19. Rome, Itali.
20. Seoul, Korea Selatan.
21. Singapura.
22. Tokyo, Jepun.
23. Vientiane, Laos.
24. Washington, Amerika Syarikat.
25. Wellington, New Zealand.
26. Yangon, Myanmar.

Penasihat Pertahanan (PP) ditempatkan di negara-negara ini adalah kerana keperluan semasa dan perkembangan geo-politik antarabangsa yang menuntut penglibatan PP secara aktif bagi menyediakan input *strategic intelligence* dan *military engagement* bagi memenuhi keperluan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan negara sahabat. Dengan penempatan ini, ianya melancarkan urusan yang berkaitan dengan hubungan diplomatik dan ketenteraan (*military diplomacy*) antara negara khususnya yang melibatkan kerjasama latihan, operasi dan industri pertahanan. PP juga bertindak sebagai orang tengah bagi ATM dalam memberi pandangan dan menyelaras perkembangan aktiviti-aktiviti ketenteraan antara kedua-dua negara di samping negara serantau yang berkepentingan.